



“

# Buku Panduan Hukuman Mati, Petisyen dan Proses Pengampunan Malaysia

Buku Panduan untuk memahami Proses Pengampunan

**BUKU PANDUAN  
HUKUMAN MATI, PETISYEN  
DAN PROSES  
PENGAMPUNAN MALAYSIA**

## **Buku Panduan Hukuman Mati, Petisyen dan Proses Pengampunan di Malaysia**

ADP Publication Sdn. Bhd. (1097496-A)

C-5-22 Centum @ Oasis Corporate Park  
No: 2, Jalan PJU 1a/2, Oasis Damansara  
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: +0378318870

Emel: adpan@adpan.org  
Laman Sesawang: www.adpan.org  
Facebook: facebook.com/ADPANetwork  
Twitter: twitter.com/ADPANetwork  
Instagram: ADPANetwork

Reka bentuk muka hadapan oleh Michelle Chew

Susunan oleh Sky Siaw

Terjemahan oleh Tan Sze Ming

Disokong oleh Kedutaan Jerman di Malaysia



Embassy  
of the Federal Republic of Germany  
Kuala Lumpur

Kandungan, sumber dan bahan yang terkandung didalam buku panduan ini diperolehi daripada bahan latihan, rujukan dan kandungan lain daripada latihan ADPAN untuk ahli keluarga banduan hukuman mati dan komuniti dengan kerjasama **Abdul Rashid Ismail, Uthman Abd Ghani, Nadiah Humairah Sudirman, Hussaini Rozi, Loo Cien Xi dan Nalini Elumalai** pada Oktober 2021.

Diterbitkan oleh ADPAN  
2021

Dicetak di Malaysia

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, kandungan buku ini adalah dilesenkan dibawah Creative Commons Attribution 4.0 International (CC BY 4.0) Untuk melihat salinan lesen, Sila layari, <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>

## **Isi Kandungan**

<b>Ringkasan Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia</b>	<b>4</b>
<b>Sistem Perundangan dalam Proses Pengampunan Malaysia</b>	<b>10</b>
<b>Penulisan dan Penyediaan Petisyen Pengampunan</b>	<b>12</b>
<b>Appendix: Alamat Surat Menyurat untuk Penghantaran Petisyen Pengampunan</b>	<b>18</b>
<b>Appendix: Contoh Surat Petisyen Pengampunan</b>	<b>21</b>

# Mukadimah

Buku panduan ini diterbitkan sebagai sumber maklumat bagi aktivis-aktivis baharu yang membantah pelaksanaan hukuman mati dan ahli keluarga banduan akhir. Kandungannya diringkaskan untuk bacaan mudah dan rujukan pantas dan kandungan berikut tidak wajar digunapakai ataupun dibaca sebagai suatu penerokaan mendalam tentang hukuman mati di Malaysia.

Buku panduan ini disunting untuk memberi pembaca ringkasan tentang pelaksanaan hukuman mati, isu teras berkenaan dengan keburukan dan kelemahan hukuman mati, proses pengampunan dan panduan untuk merangka, menulis dan menyediakan petisyen pengampunan untuk seseorang banduan akhir.

Kandungan-kandungan buku panduan ini berdasarkan pengetahuan dan pengalaman profesional penyumbang-penyumbang pada masa buku panduan ini disunting. Buku panduan ini tidak bertujuan dan tidak patut digunapakai sebagai nasihat atau panduan utama untuk mana-mana orang yang disabitkan dengan hukuman mati.

Pihak kami menyeru individu yang menghadapi hukuman mati, atau ahli keluarga supaya menghubungi peguam dan pakar-pakar lain untuk mendapatkan bantuan dan sokongan yang profesional.

# Ringkasan Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia

## 1. Pengenalan

Hukuman mati merupakan salah satu waris kerajaan kolonial British di Malaysia. Undang-undang yang membenarkan mahkamah mensabitkan seseorang dengan hukuman mati kekal dalam undang-undang jenayah Malaysia selepas Merdeka dan penggunaan hukuman mati juga diperluas dan diperhalusi oleh Parlimen dan kerajaan. Artikel 5(1) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan diri dan nyawa dimana tiada seseorang boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Walaubagaimanapun, Artikel 5(1) tidak mengharamkan pelaksanaan hukuman mati.

Sejumlah 33 kesalahan jenayah yang boleh disabitkan hukuman mati di Malaysia. 11 kesalahan jenayah boleh disabit hukuman mati mandatori dan 21 kesalahan jenayah yang boleh disabit hukuman mati berdasarkan budi bicara mahkamah. Hukuman gantung sampai mati merupakan cara pelaksanaan hukuman mati di Malaysia berdasarkan Seksyen 277 Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

Pesalah Juvana, orang kurang upaya mental, orang yang menghidapi penyakit mental dan wanita yang mengandung dikecualikan daripada hukuman mati.

Kerajaan pada tahun 2018 mengumumkan moratorium rasmi bagi hukuman mati di Malaysia. Pengumuman tersebut berlandaskan hasrat kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati secara keseluruhan. Sebuah jawatankuasa khas juga ditubuhkan oleh Kabinet untuk mengkaji pemansuhan hukuman mati mandatori. Laporan jawatankuasa khas telahpun diserahkan kepada kabinet untuk tindakan lanjut.

Kerajaan juga memberi sokongan kepada moratorium global terhadap hukuman mati pada sesi mesyuarat Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) semasa sesi mesyuarat sempena Perhimpunan Agung ke-73.

Dengan moratorium yang kini berkuatkuasa, hukuman mati tidak dilaksanakan di Malaysia. Walaupun tiada pelaksanaan hukuman mati, mahkamah tetap menjatuhkan hukuman mati terhadap tertuduh berlandaskan undang-undang yang sedia ada.

## 2. Isu-isu disebalik hukuman mati

Kewujudan hukuman mati mandatori dilihat bermasalah dalam pelbagai hala. Salah satu bantahan utama kepada kewujudan hukuman mati mandatori berterusan adalah ia melanggar konsep Pengasingan Kuasa. Pengasingan Kuasa adalah struktur asas Perlembagaan dan ketiga-tiga cabang kuasa kerajaan haruslah bebas antara satu sama lain.

Tafsiran undang-undang dan penjatuhan mana-mana hukuman adalah kuasa kehakiman dan seharusnya disekat atau dipengaruhi oleh kabinet atau Parlimen. Apabila undang-undang mengenakan hukuman mati mandatori, mahkamah hanyalah sebagai pelaksana bagi badan perundangan atau Parlimen.

Hak untuk perbicaraan yang adil dan kebolehan tertuduh untuk mengemukakan sebarang mitigasi yang bermakna juga dinafikan oleh sifat hukuman mati mandatori. Keadaan dan latar belakang pesalah yang mungkin menunjukkan kelemahan atau isu lain yang boleh menyumbang kepada perilaku kesalahan tidak diambil kira dan dinafikan apabila hukuman mati mandatori dikenakan.

Perlembagaan hukuman mati mandatori masih dikekalkan mengikut perlembagaan berdasarkan kes 'privy-council' Ong Ah Chuan lawan Pendakwa Raya [1981] AC 648. Keputusan 'privy-council' telah berlepas dan menolak tafsiran ini dalam Reyes lawan R [2002] 2 AC 235. Walaupun 'privy-council' telah menukar kedudukannya mengenai hukuman mati mandatori, Malaysia terus mengiktirafnya sebagai undang-undang yang baik dan mengesahkannya dalam Letitia Bosman lawan PP & Rayuan Lain [2020] 5 MLJ 277.

### **3. Hukuman Mati bagi Kesalahan Jenayah Dadah**

Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) dipinda pada tahun 2017 untuk memberi kuasa budi bicara yang terhad kepada mahkamah untuk menggantikan hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup dalam kes yang memenuhi syarat-syarat dalam pindaan. Secara amnya, pindaan tersebut memberi alternatif dan kuasa budi bicara kepada pihak mahkamah, terutamanya bagi kes-kes keldai dadah. Tetapi, peruntukan yang kurang jelas dan terbuka kepada tafsiran-tafsiran yang berbeza dan tidak memanfaatkan mana-mana pihak.

Kebanyakan kes pendakwaan dan pertuduhan dibawah Seksyen 39B ADB adalah terhadap rakyat marhaen yang dieksploitasi oleh sindiket-sindiket permedagangan dan penyeledupan dadah.

Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (International Covenant on Civil and Political Rights - ICCPR) melarang pengenaan hukuman mati terhadap jenayah-jenayah yang tidak memenuhi syarat jenayah yang paling serius (most serious crimes) yang ditafsirkan sebagai jenayah membunuh dengan niat. Jenayah dadah tidak memenuhi syarat ini dan sekian lama, hukuman mati terhadap jenayah dadah dianggap sebagai pelanggaran hak dibawah ICCPR.

Di Malaysia, pemansuhan hukuman mati telah beberapa kali menjadi wacana politik dan awam, terutamanya dalam isu hukuman mati dan ADB. Parlimen juga telah membuka ruang untuk perbincangan dan perbahasan penggunaan Marijuana untuk tujuan perubatan dan dekriminalisasi dadah dan menjadikan penyalahgunaan dadah sebagai isu kesihatan dan bukan jenayah. Walaupun penggunaan dadah untuk tujuan perubatan ataupun rekreasi tidak terkait secara terus dengan penyeludupan dadah, undang-undang yang sedia ada yang tidak membezakan tujuan seseorang mempunyai dadah berbahaya seringkali menyebabkan seorang yang menjual Marijuana untuk tujuan perubatan dituduh ataupun disabit kesalahan penyeludupan di bawah Seksyen 39B.

### **3. Kekurangan Upaya Mental**

Banduan akhir di kebanyakan negara ditempatkan di sel berasingan diatas alasan keselamatan. Disebabkan tempoh tahanan berasingan yang terlalu lama, banduan akhir kerap mengalami fenomena Death Row Syndrome (Sindrom Banduan Akhir). Fenomena ini biasanya berkait rapat dengan isu kesihatan dan penyakit mental yang merupakan salah satu isu ketara dalam kes hukuman mati.

Konsep Sindrom Banduan Akhir digunakan sebagai penerangan impak terhadap banduan akhir yang ditahan berasingan terlalu lama dan mengalami gejala penyakit mental. Gejala yang dialami termasuk paranoia, halusinasi auditori dan visual, mencederakan diri, percubaan untuk membunuh diri, kemurungan, ketidakstabilan emosi, tekanan dan kehilangan akal.

Tambahan dari isu Sindrom Banduan Akhir, isu-isu lain berkenaan dengan kesihatan mental dan keupayaan mental juga merupakan isu utama dalam pelaksanaan hukuman mati. Pada tahun 1989, Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN Economic and Social Council 1989*) mengeluarkan kertas kerja (*Implementation of the Safeguards Guaranteeing Protection of the Rights of those facing the Death Penalty*) yang menyarankan supaya banduan yang menghidapi penyakit mental, ataupun banduan yang mempunyai sebarang kekurangan upaya mental dikecualikan daripada hukuman mati. Saranan ini ditekankan



sekali lagi pada tahun 1996 atas sebab kekurangan dan kedaifan dalam sistem perundangan dan hukuman mati yang sedia ada.

Saranan ini juga disokong oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Office of the High Commissioner for Human Rights) dalam resolusi 2004/67 (Persoalan berkenaan dengan hukuman mati; Question of the death penalty). Resolusi tersebut menyarankan negara-negara supaya mengecualikan orang yang mengalami sebarang penyakit mental daripada hukuman mati dan memastikan tiada pelaksanaan terhadap mana-mana individu yang dikenal pasti mengalami penyakit mental ataupun kurang upaya mental.

Dalam kes mahkamah Amerika Syarikat (US), *Atkins v Virginia*, Mahkamah tertinggi US memutuskan bahawa pelaksanaan hukuman mati terhadap seseorang yang kurang upaya intelektual merupakan hukuman yang kejam, zalim dan luar biasa. Salah seorang hakim panel, yang arif Steven dalam ulasan penghakiman beliau mengutarakan fahaman orang ramai yang peka dengan isu keupayaan warga kurang upaya intelektual dalam pemahaman maklumat, penaakulan logik, pengawalan impuls yang boleh mengurangkan kecenderungan dan niat mereka dalam perbuatan jenayah.

Selain daripada isu-isu ketidakadilan dan kezaliman dalam pelaksanaan hukuman mati terhadap individu yang menghidapi penyakit mental ataupun kurang upaya mental, isu-isu ini juga membelakangkan konsep dan idea hukuman mati sebagai satu cara untuk pembalasan terhadap pesalah dan sebagai amaran tegas terhadap penjenayah lain.

Disebabkan keupayaan seseorang yang menghidapi penyakit mental ataupun kurang upaya mental, kemungkinan orang tersebut untuk memahami kesalahan mereka melalui sudut pandangan ini adalah rendah berbanding dengan orang lain. Seorang yang kurang upaya intelektual sepertimana yang diputuskan dalam kes *Atkins* mungkin tidak mampu memahami kesalahan mereka, apa lagi fahamam terhadap konsep hukuman sebagai amaran tegas yang abstrak.

#### 4. Statistik dan Maklumat Hukuman Mati dan Banduan Akhir di Malaysia<sup>1</sup>

##### Pecahan Banduan Akhir Berdasarkan Warganegara - 2021

Warganegara	Jumlah
Warganegara	837
Warga Asing	529
Jumlah	1,366

##### Pecahan Banduan Akhir berdasarkan bangsa 2018 - 2021

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain
2018	340	168	170	28
2019	348	193	150	34
2020	405	173	210	<sup>2</sup>
2021 <sup>3</sup>	406	181	209	43

<sup>1</sup> Information collected and tabulated by ADPAN

<sup>2</sup> No data available

<sup>3</sup> As of 1 September 2021


## Jenis Kesalahan

### Perbandingan dan Pecahan Sabitan Hukuman Mati 2019 dan 2020

Jenis Kesalahan	Oktober 2020	September 2021	Perubahan
S39B ADK	912	927	+15
S302 Kanun Keseksaan (Membunuh)	381	405	+24
Lain-lain	31	23	-8
<b>Jumlah</b>	1324	1355 <sup>4</sup>	31

### Pecahan Banduan Akhir berdasarkan Umur

#### Pecahan Banduan Akhir berdasarkan Umur



<sup>4</sup> Inconsistency is due to errors in reporting in the available data in Parliament answers - Question 143, Written Replies, 1st Meeting, 4th Session, 14th Parliament

# Sistem Perundangan dan Undang-Undang Pengampunan Malaysia

Menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Malaysia mempunyai peruntukan bagi dua jenis pengampunan. Dibawah Perkara 42(1), Yang Di-Pertuan Agong, Sultan dan Yang Di-Pertua Negeri mempunyai kuasa pengampunan dan berkuasa memberi ampun, tunda hukum atau lega hukum dan Perkara 42(2), Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri berkuasa untuk remit, menggantung ataupun meringankan hukuman bagi apa-apa kesalahan.

Yang Di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk mengampunkan sebarang kesalahan yang dibicarakan dalam mahkamah tentera, ataupun kesalahan yang dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Sultan dan Yang Di-Pertua Negeri mempunyai kuasa yang sama di negeri-negeri lain.

Menurut Perkara 42(4), kuasa pengampunan perlu dijalankan berdasarkan nasihat Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan dan Negeri. Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi tujuan ini hendaklah bermesyuarat dengan kehadiran dan dipengerusi oleh Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri.

Lembaga Pengampunan hendaklah terdiri daripada Peguam Negara, Ketua Menteri Negeri (ataupun Menteri Wilayah Persekutuan), dan tiga orang lagi yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri. Peguam Negara juga mempunyai kuasa untuk melantik mana-mana orang untuk mewakili beliau.

Diperingkat negeri, Perlembagaan negeri ataupun Undang-Undang Tubuh Negeri mempunyai perkara-perkara tersendiri berkenaan dengan sistem pengampunan negeri berdasarkan kuasa-kuasa yang tertakluk dibawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan. Di Selangor, Perlembagaan negeri mempunyai perkara berkenaan dengan kuasa pengampunan, dan negeri lain seperti Penang, Perlembagaan Penang tidak mempunyai sebarang perkara berkenaan dengan proses pengampunan.

Mahkamah Persekutuan juga memutuskan nasihat yang dikemukakan oleh Lembaga Pengampunan tidak terikat kepada undang-undang, dan Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri boleh melaksanakan kuasa-kuasa pengampunan tanpa mengikuti nasihat tersebut. Pengampunan juga merupakan salah satu kuasa perlembagaan yang tidak boleh disemak oleh mahkamah. Salah satu sebab utama kenapa kuasa pengampunan tidak boleh disemak oleh mahkamah ialah kerana kuasa pengampunan dianggap sebagai prerogatif Yang Di-Pertuan Agong dan semakan terhadap keputusan Yang Di-Pertuan Agong bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan..

Dalam proses pengampunan di Malaysia, seseorang banduan boleh menghantar dan membuat permohonan pengampunan tanpa sebarang had. Ahli keluarga banduan, peguam ataupun kawan kepada banduan turut boleh membuat rayuan pengampunan bagi pihak banduan pada masa yang sama.

Peraturan 54, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 menyatakan bahawa pihak penjara akan membantu menyediakan surat pengampunan bagi banduan yang dijatuh hukuman melebihi 7 tahun penjara pada setiap 4 tahun (tahun ke-4, ke-8, ke-12 dan ke-16). Bagi banduan yang telahpun menjalankan hukuman penjara lebih daripada 16 tahun, surat pengampunan akan disediakan setiap tahun bagi banduan tersebut.

Semua permohonan dan petisyen pengampunan boleh dihantar ke Lembaga Pengampunan setiap negeri dan wilayah persekutuan. Alamat penuh pejabat-pejabat Lembaga Pengampunan boleh didapati dalam buku panduan ini (Appendix 1).

Contoh surat petisyen pengampunan boleh dimuat turun dengan percuma melalui laman sesawang Kehakiman di <https://www.kehakiman.gov.my/en/node/2245>.

# Penulisan dan Penyediaan Petisyen Pengampunan

Untuk tujuan menyediakan petisyen pengampunan, maklumat tepat berkenaan dengan sejarah dan rekod banduan adalah amat penting. Sesetengah maklumat seperti keadaan dan pembangunan akhlak banduan dalam penjara hanya boleh diperolehi melalui jabatan penjara, banduan ataupun peguam.

Maklumat lain seperti latar belakang banduan, tanggungan banduan sebelum dijatuhkan hukum, keadaan keluarga banduan ataupun anak, suami, isteri ataupun ibu bapa yang bergantung kepada banduan tersebut juga penting untuk tujuan menyediakan petisyen pengampunan.

Dalam penyediaan dan penulisan petisyen pengampunan, undang-undang pengampunan tidak mengenakan apa-apa had ataupun rangka bagi kandungan petisyen pengampunan. Sepertimana yang dijelaskan dalam bab 2 dalam buku panduan ini, seorang banduan boleh menghantar sebanyak petisyen pengampunan yang mereka mampu untuk proses pengampunan. Buku panduan ini mencadangkan supaya banduan dan ahli keluarga menyediakan satu surat petisyen pengampunan yang utama, dan menggunakan surat petisyen lain sebagai petisyen sampingan untuk menyokong petisyen utama.

Satu lagi cadangan ialah supaya banduan sendiri menyediakan surat petisyen utama, dan mendapatkan bantuan guaman untuk membaca, menyunting dan menghantar surat petisyen tersebut bagi pihak banduan. Peguam juga boleh bantu memastikan supaya surat petisyen tersebut dihantar mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan dan menyimpan rekod untuk banduan ataupun ahli keluarga.

## 1. Pengenalan

Pada permulaan petisyen pengampunan, maklumat berikut mesti disenaraikan:

1. Nama banduan
2. Nombor kad pengenalan ataupun passport
3. Lokasi Penjara
4. Nombor badan banduan
5. Kesalahan yang disabit terhadap banduan
6. Mahkamah dimana banduan disabitkan kesalahan tersebut
7. Nombor kes mahkamah
8. Tarikh pemenjaraan
9. Tarikh pembebasan (jika ada)
10. Gambar banduan (jika ada)

Jikalau petisyen ini akan dihantar oleh pihak keluarga, kawan ataupun lain-lain kenalan banduan, maklumat berikut boleh disenaraikan bersama:

1. Nama pemohon ataupun nama organisasi
2. Nombor kad pengenalan ataupun passport

3. Alamat surat menyurat dan nombor telefon
4. Hubungan dengan banduan akhir

## 2. Formaliti

Dalam petisyen pengampunan, petisyen tersebut akan dituju kepada Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri. Bahasa Istana perlu digunakan dalam petisyen pengampunan.

Walaupun petisyen pengampunan dihantar kepada Lembaga Pengampunan, kandungan petisyen dituju kepada Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri. Darjah kebesaran, gelar panggilan penuh Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri mesti digunakan dalam perenggan pertama petisyen.

Berikut merupakan sinonim dan perbandingan bahasa istana untuk tujuan rujukan.

### Penggunaan Bahasa Istana

#### Perbendaharaan kata

No.	Perkataan	Ertinya
1.	Mengadap	Berjumpa
2.	Ampun	Maaf
3.	Berangkat	Datang, Pergi
4.	Anugerah	Hadiah
5.	Derma Kurnia	Pemberian
6.	Junjung/ Menjunjung	Terima
7.	Beradu	Tidur
8.	Limpah	Izin

9.	Merafak	Mengangkat
10.	Sembah maklum	Memberitahu
11.	Bersiram	Mandi
12.	Bersemayam	Duduk, Tinggal
13.	Santap	Makan
14.	Gering	Sakit

**Berikut ialah beberapa contoh ungkapan kata**

No.	Perkataan	Ertinya
1.	Mencemar duli	Mengunjungi
2.	Duduk dalam percintaan	berduka
3.	Junjung kasih	Terima kasih
4.	Menjunjung duli	taat setia
5.	Memohon limpah Perkenan	Meminta izin
6.	Memohon pulang	Memohon diri untuk pulang
7.	Dewan santapan	Dewan makan



8.	Tempat bersemayam	Tempat tinggal
9.	Derma Kurnia	Pemberian
10.	Patik-patik sekalian	Kami
11.	Barang perintah	Apa yang diperintahkan
12.	Patik-patik itu/ tersebut	Mereka
13.	Barang titah	Apa yang ditahkan

#### **Ungkapan Diraja yang digantikan dengan perkataan biasa**

a) Digantikan dengan “menurut Perintah”

Menjunjung perintah

Menjunjung Duli

Menjunjung Dibawah Duli Tuanku

Menjunjung Kurnia dan Menjunjung kasih

b) Digantikan dengan “Mohon Perkenan”

Memohon limpah

Memohon ampuni limpah perkenan

Sembah patik mohon diampun

c) Digantikan dengan “Mohon Izin Tuanku”

Pohon Perkenan Tuanku

### 3. Perenggan Pertama Petisyen

Perenggan pertama petisyen akan dimulai dengan salam hormat kepada Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua Negeri.

Perenggan seterusnya boleh mengutarakan rayuan ataupun permohonan petisyen ini dan memberi sedikit sebanyak ringkasan banduan dan latar belakang banduan.

### 4. Kandungan Petisyen

Bagi kandungan petisyen, petisyen boleh mengandungi berapa isu-isu utama yang biasanya digunakan untuk menyokong permohonan pengampunan seperti:

#### 1. Pengalaman rehabilitasi banduan di penjara

Kandungan utama petisyen boleh berdasarkan aktiviti-aktiviti yang banduan hadir di penjara. Aktiviti yang diutarakan adalah seperti: kursus, pendidikan lanjut, pendidikan agama, rehabilitasi dan aktiviti lain-lain yang memanfaatkan banduan ataupun proses dan tahap banduan dalam sistem 'Progressive Stage System'.

'Progressive Stage System' adalah satu sistem bagi banduan dimana banduan boleh dinaikkan pangkat berdasarkan rekod disiplin dan masa yang berada menjalankan hukuman dalam penjara. Pangkat yang lebih tinggi membenarkan banduan mendapat bayaran gaji yang lebih lumayan ataupun hak-hak untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rekreasi tambahan.

#### 2. Sumbangan banduan kepada masyarakat jika dibebaskan

Ini adalah untuk memberi gambaran hala tuju dan sumbangan banduan jikalau dibebaskan. Ini termasuklah sumbangan ekonomi dan kewangan banduan kepada keluarga, kebolehan dan kemampuan bekerja yang dipelajari semasa menjalankan hukuman dalam penjara, nilai-nilai murni yang dipelajari banduan selepas menjalankan hukuman.

#### 3. Isu-isu lain

Bahagian ini termasuk isu-isu peribadi banduan seperti trauma psikologi, isu kewangan, kemiskinan, unsur paksaan ataupun faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka ditangkap ataupun terjebak dalam jenayah. Petisyen juga boleh memberi gambaran dan cerita peranan dan tanggungjawab banduan dalam keluarga mereka, pengalaman mereka dalam penjara dan sebagai banduan akhir ataupun impak emosi dan psikologi terhadap banduan dan ahli keluarga ataupun isu kesihatan yang dialami

keluarga ataupun ibu bapa mereka sepanjang mereka menjalankan hukuman di penjara.

4. Perubahan ataupun pindaan undang-undang berkenaan dengan sabitan jenayah terhadap banduan

Jika terdapat apa-apa perubahan ataupun pindaan undang-undang yang berkenaan dengan sabitan jenayah terhadap banduan, perubahan ataupun pindaan tersebut boleh disebut dalam petisyen.

Sebagai contoh, Malaysia telahpun meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 pada tahun 2017. Jika seseorang banduan itu disabit kesalahan dibawah seksyen yang telahpun dipinda, petisyen boleh mengutarakan pindaan tersebut dan implikasi terhadap sabitan jenayah yang dikenakan. Ataupun, jikalau sesuatu undang-undang telahpun dimansuhkan (Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960), banduan yang dijatuhi hukum dibawah akta tersebut boleh membuat rayuan untuk dibebaskan.

Kandungan ini bukan untuk mengeluarkan ataupun pertikaikan undang-undang yang sedia ada, tetapi untuk meminta belas kasihan daripada Yang Di-Pertuan Agong atas keadaan semasa negara yang telah pun berubah. Maklumat sampingan seperti kenyataan dari menteri berkenaan dengan jenayah, ataupun pengisytiharan polisi baru oleh pihak kerajaan boleh dimasukkan sebagai rujukan.

Petisyen pengampunan perlu dielakkan dari komen-komen ataupun ayat-ayat yang mempertikaikan sabitan mahkamah ataupun pembelaan semasa perbicaraan. Tujuan petisyen pengampunan bukannya untuk mengubah sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh mahkamah, tetapi bertujuan untuk mendapatkan pengampunan berdasarkan belas kasihan oleh Yang Di-Pertuan Agong, Sultan ataupun Yang Di-Pertua negeri.

Dokumen rujukan dan sokongan seperti rekod perubahan keluarga dan bukti-bukti lain yang boleh menyokong kandungan petisyen boleh disusun bersama dengan petisyen pengampunan. Setelah petisyen disusun dan disunting, petisyen boleh dihantar kepada Lembaga Pengampunan.

Petisyen yang dihantar patut dihantar belalui pos berdaftar ataupun menghantar melalui tangan dan sebarang rekod penghantaran mesti disimpan baik oleh pihak keluarga untuk tujuan pengesahan. Sebarang perhubungan, makluman ataupun respon dari Lembaga Pengampunan mesti disimpan dengan baik untuk rujukan masa hadapan.

# Appendix

## 1. Alamat Surat Menyurat Lembaga Pengampunan:

### **Wilayah Persekutuan**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan - Seksyen Dasar  
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 6, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62692 Putrajaya

### **Pahang**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Pahang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
Sekretariat MMK & DUN  
Aras 1, Blok A Wisma Sri Pahang  
25503 Kuantan

### **Terengganu**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Terengganu  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu  
Tingkat 15, Wisma Darul Iman  
20503 Kuala Terengganu

### **Perlis**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Perlis  
Bahagian DUN & MMK Negeri  
Aras 4 Kompleks Dewan Undangan Negeri  
Persiaran Wawasan  
01000 Kangar, Perlis

### **Selangor**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 18, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam

### **Negeri Sembilan**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Sembilan  
Unit Dewan Undangan Negeri

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Tingkat 5, Blok C Wisma Negeri  
Jalan Dato' Abdul Malek  
70503 Seremban

### **Johor**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Johor  
Unit Undang-Undang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor  
Aras 3, Bagunan Dato' Jaafar Muhammad  
79503 Kota Iskandar, Nusajaya

### **Kelantan**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Kelantan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Bahagian Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Tingkat 1, Block 1, Kompleks Kota Darul Naim  
15503 Kota Bharu

### **Perak**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Perak  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Bahagian DN & MMK  
Blok 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak

### **Kedah**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Kedah  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Aras 2, Blok B, Wisma Darul Aman  
05503 Alor Setar

### **Pulau Pinang**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Pulau Pinang  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Bahagian Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 49, Komtar  
10503 Pulau Pinang

### **Melaka**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Melaka  
Pejabat Ketua Menteri  
Bahagian Dewan & MMKN

Aras 2, Block Laksamana, Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuan Jaya  
75450 Melaka

**Sabah**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Sabah  
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah  
Tingkat 8 & 9 Menara Tun Mustapha  
Teluk Likas, Beg Berkunci 2054  
88990 Kota Kinabalu, Sabah

**Sarawak**

Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Sarawak  
Jabatan Ketua Menteri Sarawak  
Tingkat 8, Wisma Bapa Malaysia, Petrajaya  
93050 Kuching, Sarawak

Contoh petisyen pengampunan boleh dimuat turun melalui lawan sesawang Kehakiman Malaysia secara percuma: <https://www.kehakiman.gov.my/en/node/2245>.

## 2. Contoh Petisyen Pengampunan dan Penerangan Kandungan

Rayuan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor

Nama : Nama Banduan  
No Banduan :  
No Kad Pengenalan :  
Kesalahan : Seksyen 39B(1)(a) ADB  
Mahkamah : Mahkamah Tinggi Johor Bahru  
Kes Nombor :  
Hukuman : Gantung sampai mati  
Tarikh Masuk : 22 March 1987

Salam hormat kepada Sultan dengan darjah Kebesaran, gelar panggilan penuh

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Darul Ta'zim Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar D.K (Johor), D.K (Perak), D.K (Kelantan), D.K. (Perlis), D.K (Selangor), D.K (Negeri Sembilan), D.K (Terengganu), D.K.M.B. (Brunei), S.P.M.J, S.S.I.J, S.P.M.T, S.M.N, S.P.M.K, S.P.M.P, P.I.S

Salam hormat yang dicadangkan

Ampun Tuanku Beribu-Ribu Ampun, Sembah Patik Pacal Yang Hina Mohon Diampun.

Terlebih dahulu patik menyusun sepuluh jari merafak sembah menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Ringkasan permohonan dan rayuan dalam petisyen ini (sebagai contoh, memohon supaya hukuman mati diringkaskan kepada hukuman penjara)

Memohon perkenan untuk mempersembahkan sepucuk surat rayuan pengampunan bagi meringankan hukuman mati di tali gantung kepada hukuman penjara.

Salam hormat “Ampun Tuanku” boleh digunapakai bagi perenggan yang ringkas ataupun lebih pendek.

Ampun Tuanku,

Patik dengan segala kerendahan diri patik memohon Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku untuk meluangkan sedetik waktu yang amat berharga buat Duli Tuanku untuk meneliti surat patik pacal yang hina ini.

Ringkasan latar belakang banduan termasuk tarikh ditahan, kesalahan banduan, tarikh mahkamah ataupun tarikh jatuh hukum.

Ampun Tuanku,

Pada 23 Julai 1987, anak lelaki patik telah ditangkap oleh polis kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39(B)(1)(a) Akta Dadah Berbahaya. Anak Patik disabitkan oleh Mahkamah Tinggi Johor Bharu pada 22 March 1992. Rayuan anak patik daripada Mahkamah Tinggi telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan pada 28 March 1994.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, sembah patik pacal yang hina mohon diampun.

Ringkasan latar belakang keluarga banduan

Ampun Tuanku,

Dengan sepenuh kerendahan patik menceritakan latar belakang anak patik. Anak patik dilahirkan pada 13 Disember 1961 di Hospital Besar Johor Bharu dan dibesarkan di Kampung Baru Senai, Johor Darul Takzim. Ah Boon adalah anak ketiga daripada enam orang adik beradik. Suami patik telah meninggalkan patik dan keluarga semasa anak patik berumur 13 tahun dan tidak pernah mengambil tahu setelah berpisah. Anak Sulong patik mengalami penyakit jantung berlubang sejak lahir. Akibat tidak berkemampuan membiayai kos perubatan yang tinggi, anak sulong patik telah meninggal dunia ketika berusia 16 tahun. Disebabkan kedaifan kehidupan, Patik terpaksa memberi adik bongsu patik kepada orang lain. Patik dan anak sendiri menorah getah untuk menampung pembelanjaan sekeluarga. Anak Patik tidak mempunyai keluarga yang sempurna, kekurangan kasih sayang dan perhatian daripada seorang ayah sejak kecil. Pada tahun 1980, anak patik telah berkahwin dengan Ah Ching dan dikurniakan dua orang cahaya



mata. Namun, perkahwinan tersebut hanya kekal 3 tahun sahaja. Pada tahun 1984, anak patik telah berkahwin semula dengan Ah Ying dan dikurniakan seorang anak perempuan. Kini, anak patik mempunyai tiga orang cucu yang masing-masing berumur 3, 5 dan 8 tahun yang patik tidak pernah jumpa.

Ringkasan tahap pendidikan banduan dan latar belakang kerja sebelum ditahan boleh dimasukkan jika ada.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, sembah patik pacal yang hina mohon diampun.

Ampun Tuanku,

Anak patik mendapat pendidikan setakat darjah lima di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Senai, Johor. Untuk meringankan keluarga, anak patik membantu patik menorah getah pada sebelah pagi manakala petang pula anak patik bekerja sebagai pembantu kedai kopi. Pada pertengahan tahun 1973, anak patik telah bekerja di Singapura di pusat ternakan ayam telur selama 3 tahun. Anak patik kemudian bekerja sebagai buruh binaan. Semua pendapatan selepas menolak kos hidup telah menyalurkan kepada patik untuk persekolahan kepada dua anak kecil patik. Pada tahun 1978, anak patik telah pulang dan bekerja di sekitar Johor.

Jika ada, petisyen pengampunan boleh memberi sedikit sebanyak keadaan ataupun faktor yang menyebabkan banduan terjebak dengan kesalahan mereka.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, sembah patik pacal yang hina mohon diampun.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik menceritakan dengan sepenuh kerendahan dan keikhlasan hati punca patik sengsara selama hampir 28 tahun di belakang tirai besi. Semuanya bermula pada tahun 1986, semasa ekonomi negara dalam kemelesatan. Anak patik yang bekerja sebagai buruh binaan memasang mozek hampir tidak mendapat sebarang kerja. Sekeluarga patik dalam kesempitan. Seorang kawan kepada anak patik yang pernah bekerja bersama-sama dengan anak patik di Singapura bernama Ah Soon telah malawat keluarga patik. Ah Soon sering menghulurkan wang kepada patik untuk kegunaan keluarga patik yang pada masa itu dalam kesusahan. Namun, di belakang kebaikan Ah Soon tersiratnya kejahatan. Bila

masa sudah tiba, dia telah meminta anak patik bekerja untuknya. Patik berasa ada perkara yang tidak mengena dengan permintaan tersebut tetapi tidak pernah terfikir kerja yang diberikan kerja keldai dadah. Namun, Ah Soon memujuk anak patik dengan kata-kata manisnya dan sering mengingatkan patik tentang bantuan kewangan yang dihulurkan sebelum ini. Pada ketika itu, anak bongsu kepada anak patik baru berumur tiga tahun. Anak patik teringat kesengsaraan patik yang terpaksa memberikan adik bongsu patik kepada orang lain kerana kesusahan hidup. Anak Patik juga terfikir bagaimana anak patik dan adik beradik dibesarkan tanpa kasih sayang seorang ayah. Oleh itu, akibat rasa terhutang budi, desakan hidupm serta pujukan manis, anak patik pacal yang berfikiran cetak telah berjanji untuk menolong Ah Soon menghantar barangannya apabila diperlukan dan telah dijanjikan upah RM400.00 sebulan.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, sembah patik pacal yang hina mohon diampun.

Ampun Tuanku,

Pada 22 Julai 1987, buat pertama kali Ah Soon telah menghantar satu bungkusan untuk dihantar. Pada waktu pagi 23 Julai 1987, Ah Ling telah menelefon dan meminta anak patik menghantar bungkusan kepadanya di Taman Seri Pelangi. Setiba di tempat yang dijanjikan, anak patik telah ditangkap oleh anggota polis apabila anak patik sedang menuju ke arah Ah Soon. Ah Soon berjaya melepaskan diri. Anak patik dibawa ke balai polis bersama dengan bungkusan yang dirampas untuk soal siasat. Patik kemudian ditahan reman di Penjara Air Molek.

Selepas pengenalan banduan dan latar belakang, kandungan petisyen boleh memberi penerangan berkenaan dengan isu-isu utama yang dicadangkan dalam bab 3 buku panduan ini.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, sembah patik pacal yang hina mohon diampun.

Ampun Tuanku,

Anak patik akur dengan keputusan mahkamah. Selepas 29 tahun di belakang tabir penjara, anak patik benar-benar kesal akan tindakan dan pelbagai kesilapan lampau yang menyusahkan diri sendiri, keluarga mahupun pihak lain. Anak patik kini bersyukur atas hikmah di sebalik musibah ini yang telah membuka mata anak patik untuk menyesali tindak-tanduk anak patik sebelum ini. Anak kecil patik terpaksa menanggung segala

pembelanjaan keluarga patik. Anak-anak kepada anak patik telah kehilangan kasih sayang seorang ibu semasa anak patik bercerai dengan isteri pertama dan kini bapa pula. Patik terpaksa meminjam wang dengan saudara mara untuk khidmat guamam patik. Patik yang telah berusia juga terpaksa bekerja sebagai buruh untuk membayar balik hutang tersebut. Kesusahan ini menjadi sejarah hitam dan perit bagi ahli keluarga patik dan semuanya disebabkan kejahilan anak patik yang hina ini.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun, sembah patik pacal yang hina mohon diampun.

Ampun Tuanku,

Anak patik menyusun sepuluh jari merafak sembah memohon Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku untuk kasihanlah anak patik pacal yang hina ini. Anak patik berasal dari keluarga yang berpecah belah. Anak patik akui kebodohan sendiri. Anak patik yang berpendidikan rendah dan berfikiran cetek tidak dapat menilai kawan yang dapat memimpin ke jalan yang benar.

Ampun Tuanku,

Patik kini berumur 77 tahun dan setiap tahun, patik berasa lebih lesu dan tidak bermaya, patik tidak lagi berupaya untuk menjaga diri tanpa bantuan ahli keluarga lain. Langkahnya yang begitu gempita semasa menoreh getah dengan patik, kini telah tidak mampu lagi berjalan untuk melawat anak patik di penjara.

Anak patik sudah berada di sebalik jeruji besi selama 28 tahun dengan 23 jam sehari bersendirian memikirkan kesalahan. Anak patik susah lelap mata pada waktu malam kerana sering mengingati derita patik yang uzur, isteri anak patik dan anak-anak. Anak Patik rindu tertawa bersama anak-anak dan keluarga. Patik memohon belas kasihan Tuanku, sesungguhnya anak patik telah insaf dan serik. Anak patik berjanji tidak akan mensia-siakan hidup patik atau kembali ke lubuk lama sekiranya diberi peluang kedua. Simpatilah patik dan anak-anak dan isteri anak patik yang sentiasa menunggu kepulangan anak patik. Sebelum patik menjumpa pencipta patik, izinkan anak patik kembali sekali lagi ke rumah patik yang tempat yang patik dan isteri anak patik bina dari keringat dan air mata mereka.

Selepas kandungan utama, petisyen pengampunan diikuti dengan perenggan penutup dan penghargaan kepada Sultan atas sebarang belas kasihan yang diberikan.

Ampun Tuanku,

Sebelum patik mengakhiri kalam ini, sekali lagi patik pacal yang hina ini menyusun sepuluh jari merafak sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku memohon jutaan ampun dan maaf di sepanjang tutur bicara patik yang mungkin terkasar dan kurang sopan. Patik akui patik kurang mahir dan arif tentang istiadat istana. Harapan patik dengan cara ini moga-moga Tuanku memperkenankan permohonan patik. Patik sentiasa berdoa kepada Tuhan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku, anakanda serta kaum kerabat Tuanku sentiasa di bawah lindungan Tuhan, dilanjutkan usia serta diberkati. Patik juga berdoa negara Malaysia yang tercinta sentiasa aman, damai dan maju serta rakyatnya bersatu di bawah panji pemerintahan Tuanku sebagai payung negara.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pacal yang hina mohon diampun.  
Menjunjung kasih Tuanku.

Ahli keluarga yang menghantar boleh menulis nama, dan memberi maklumat surat menyurat ataupun nombor telefon.

Patik yang merayu,

Nama

Alamat Berhubung